



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Bilangan 4 Tahun 2015

ANCAMAN SERANGAN *ANONYMOUS* MALAYSIA KE ATAS LAMAM-LAMAN WEB KERAJAAN DI MALAYSIA

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan ancaman serangan serangan siber oleh *anonymous* Malaysia ke atas laman-laman web kerajaan Malaysia.

LATAR BELAKANG

1. Pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah memaklumkan satu ancaman serangan siber oleh *anonymous* Malaysia ke atas laman-laman web kerajaan Malaysia akan berlaku bermula pada 29 -30 Ogos 2015. Pihak MKN mengambil serius mengenai ancaman ini dan memberikan taklimat kepada semua agensi kerajaan Malaysia pada 21 Ogos 2015 bertempat di Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya rujukan surat MKN(S).10.700-8/30/9(5) bertarikh 17 Ogos 2015.
2. Sasaran utama serangan *Anonymous* seperti **DDOS**, **Web Defacement**, **Information Leakage** dan **Account Compromise** dijangka akan melibatkan :-
 - a. 1MDB.com.my
 - b. NajibRazak.com
 - c. SPRM

- d. PDRM
- e. 150 laman web kerajaan yang terpilih

TINDAKAN PELAKSANAAN

1. Berkuat kuasa pada tarikh yang diberikan, pelaksanaan bagi menghadapi ancaman serangan siber adalah bagi perkara-perkara berikut:
 - a. *Restricted Access* - Meminimalkan had capaian ke rangkaian dan sistem-sistem UiTM. Capaian hanya dibenarkan ke sistem-sistem UiTM menggunakan rangkaian UiTM (Intranet) sahaja bermula dari **28/8/2015 (Jumaat)** sehingga **1/9/2015 (Selasa)**. Sistem-sistem yang berkaitan adalah seperti berikut:-
 - i. STARS - iStaff Portal, eProses & Sistem Sokongan, Sistem Pengurusan Maklumat Staf.
 - ii. SIMS - Sistem Pengambilan Pelajar, Sistem Akademik Pelajar, Sistem Hal Ehwal Pelajar, Student Portal.
 - iii. FAIS – Sistem Kewangan UiTM.
 - iv. Sistem emel UiTM termasuk emel di kampus negeri.
 - v. EAI - Sistem Integrasi .
 - vi. CMS - Sistem Pengurusan Kampus INTEC.
 - vii. FMS - Sistem Pengurusan Fasiliti.
 - viii. PRISMa - Publication Repository Information System Management.
 - ix. MyReSC - MyResearch Score Card.
 - x. OA - Sistem Tempahan Bilik, Sistem Pengurusan KIK
 - xi. Dan sistem-sistem yang berkepentingan dalam UiTM.
 - b. *VPN (Virtual Private Network)* - Perkhidmatan ini akan ditutup sepenuhnya buat sementara waktu bermula dari **26/8/2015 (Rabu)** sehingga **2/9/2015 (Rabu)**.
 - c. Keselamatan Kata Laluan - Menukar **kata laluan** bagi web emel (Lotus Notes) dan semua sistem yang digunakan. Kegagalan untuk menukar kata laluan bagi web emel akan menyebabkan akaun anda **disekat**.
 - d. Patch/Update

- i. Sistem Pengoperasian : Memastikan sistem pengoperasian server/komputer dikemaskini dengan *patches* yang terkini . Semua server OS Microsoft Windows Server 2003 perlu ditutup memandangkan tiada *patches* yang akan dikeluarkan oleh pihak Microsoft.
 - ii. Perisian (cth:PHP, JOMLA, dll) : Memastikan perisian tersebut dikemaskini dengan *patches* yang terkini.
 - iii. Anti virus : Memastikan komputer/ komputer riba mempunyai perisian anti virus yang telah di kemaskini dengan *patches* yang terbaru.
 - e. Sebarang insiden yang berlaku ke atas asset UiTM yang telah dikenalpasti yang berisiko tinggi akan diambil tindakan oleh **Pasukan Gerak Kerja Keselamatan IT, UiTM** berdasarkan tahap keselamatan maklumat UiTM. Antara insiden yang diklasifikasikan sebagai berisiko tinggi adalah seperti jangkitan *Ransomware* dan asset tersebut akan **diformat** seperti yang dicadangkan oleh GCERT atas kepentingan universiti.
 - f. Lantikan Pasukan Gerak Kerja Keselamatan IT, UiTM adalah berkuatkuasa serta merta dan lantikan dari Timbalan Naib Canselor Pembangunan dan Inovasi, merangkap CIO UiTM.
2. Sebarang insiden serangan ancaman yang berlaku perlu dilaporkan kepada Pasukan Gerak Kerja Keselamatan IT, UiTM dengan kadar segera melalui talian :-
- a. 03-5544 2203 : Talian Bantuan Teknikal, Pejabat Teknologi Maklumat
 - b. 03-5543 8556 : Puan Rosnah Mohd Rantam (rosnahm@salam.uitm.edu.my)
 - c. 03-5521 1378 : Puan Siti Zaharah Abu (sitizaharah@salam.uitm.edu.my)
 - d. 03-5544 2171 : En Fazlin Bajuri (fazlin@salam.uitm.edu.my)
 - e. 03-5521 1771 : Puan Ezabarena Radzi (ezariena82@gmail.com)
 - f. 03-5544 2579/018-2441810 : Puan Maznifah Salam (dbrothers17@gmail.com)
3. Semua staf UiTM perlu mematuhi langkah-langkah yang telah dicadangkan supaya keselamatan maklumat dan rangkaian UiTM dilindungi daripada dicerobohi sebarang serangan siber terutama *anonymous* Malaysia dan lain-lain pihak.

TARIKH DIKELUARKAN

1. Pekeliling dikeluarkan pada **26 Ogos 2015**.

TARIKH KUAT KUASA

2. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **26 Ogos 2015**.

Yang benar



PROF. IR. DR. ABDUL RAHMAN OMAR, JSM
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Dikelilingkan Kepada

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-dekan Fakulti
Semua Rektor-rektor Kampus Negeri*

*Bil. Fail : 100-PTM (6/7/1)
No Siri : 100-CSPI(PT.6/7/2)*